

Semakin ramai karyawan Melayu/Islam berjaya tampil berbakti kepada masyarakat, yang ada secara senyap-senyap. Berita Harian memaparkan beberapa daripada mereka dalam satu siri laporan. Kali ini kami paparkan Encik Sani Hamid, seorang pakar kewangan dan perbankan.

Pakar kewangan mahu masyarakat bebas hutang

► ADLI YASHIR KUCHIT
adli@sph.com.sg

SEBAGAI pakar kewangan dan perbankan, termasuk kewangan Islam, Encik Sani Hamid tidak setakat memberi nasihat mengenai cara bijak untuk melabur.

Encik Sani juga menggunakan kepakarannya itu untuk berbakti kepada masyarakat – membantu orang lain agar bebas hutang.

Beliau melakukan ini dengan menjadi sukarelawan bersama Pusat Penasihat Hutang (DAC) kendalian Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Encik Sani, 44 tahun, pengarah firma penasihat kewangan Financial Alliance Pte Ltd, yang kini mempunyai sekitar 50,000 pelanggan.

Sepanjang kerjaya selama 15 tahun dalam bidang itu, beliau pernah bertugas dengan firma-firma ternama seperti Standard & Poor's (S&P) dan BNP Paribas.

Penduduk Tetap (PR) yang berasal dari Malaysia itu keberatan mendedahkan pendapatannya atau nilai bersih hartanya, sekadar berkata beliau "bebas daripada hutang".

Lebih penting bagi Encik Sani ialah membantu lebih ramai orang Melayu membebaskan diri daripada hutang.

"Kita lihat masyarakat Melayu mempunyai jumlah aset yang tinggi tetapi masyarakat kita juga ada liabiliti.

"Jika liabiliti kita melebihi aset kita, sukar bagi masyarakat kita maju," kata beliau.

Ini mendorong beliau menyumbang kepakarannya di DAC.

Encik Sani menyifatkan masalah hutang yang dihadapi masyarakat Melayu/Islam sebagai "barah yang belum dikesan".

"Kita hanya boleh anggarkan berapa besar masalah hutang yang sedang dialami masyarakat Melayu/Islam," kata beliau.

Dilancarkan pada April tahun la-



SUMBANG TENAGA: Encik Sani Hamid sedang memberi ceramah berkaitan beberapa panduan dalam aspek pengurusan kewangan demi membantu anggota Melayu/Islam agar tidak terjerat dek masalah hutang. – Foto-foto ADLI YASHIR KUCHIT dan AMP

lu, DAC kini membantu 450 pelanggan yang menanggung hutang berjumlah \$11 juta.

Menurut Encik Sani, selain hutang bank, kad kredit dan peminjaman wang berlesen, ada juga berhutang daripada keluarga dan tailong, yang jumlahnya sukar dikesan.

Biarpun masih banyak usaha perlu dilaksanakan DAC bagi membantu masyarakat mengurangkan masalah hutang, beliau puas hati tentang kemajuan yang telah dicapai sejauh ini.

"Kami lihat ada pelanggan sudah berjaya membebaskan diri mereka

daripada masalah hutang dan kini mereka pula tampil memberi sokongan secara sukarela kepada yang lain," katanya.

Encik Sani tidak asing dalam kerja-kerja sukarelawan.

Sebelum berkhidmat di AMP, beliau bergiat di Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS).

Malah, sebelum DAC ditubuhkan, beliau, dengan sokongan Masjid Alkaff di Bedok Reservoir, menawarkan khidmat kaunseling percuma kepada anggota masyarakat yang diganggu hutang.

Menyumbang kepada masyarakat lahir secara semula jadi bagi ayah dua anak itu.

"Ibu saya sumber inspirasi saya. Kami tidak hidup mewah tetapi ibu saya amat murah hati dan suka membantu sesiapa yang memerlukan.

"Bagi saya, selagi kepakaran saya diperlukan, saya akan terus berkhidmat secara sukarela," kata Encik Sani.



"Ibu saya sumber inspirasi saya. Kami tidak hidup mewah tetapi ibu saya amat murah hati dan suka membantu sesiapa yang memerlukan. Bagi saya, selagi kepakaran saya diperlukan, saya akan terus berkhidmat secara sukarela."

– Encik Sani Hamid.